

Pengaruh Ketagihan Internet: Perubahan Tingkah Laku Murid Sekolah Rendah

(The Effect of Internet Addiction: Behavioral Changes in Elementary School Students)

Ng Hui Yu^{1*}, Shahlan Surat², Saemah Rahman³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: P111616@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drsaemahrahman@yahoo.com.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Ng Hui Yu
(P111616@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Ketagihan
Internet
Tingkah Laku
Murid Sekolah Rendah

KEYWORDS:

Internet addiction
Behavioral changes
Students

CITATION:

Ng, H. Y., Shahlan Surat & Saemah Rahman.
(2023). Pengaruh Ketagihan Internet:
Perubahan Tingkah Laku Murid Sekolah
Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences
and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002340.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2340>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap ketagihan internet dan perubahan tingkah laku dalam kalangan murid sekolah rendah tahap dua. Kajian ini telah dijalankan di daerah Pekan, Pahang dan melibatkan seramai 361 orang responden kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Ujian Ketagihan Internet dan soal selidik perubahan tingkah laku. Data yang dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Special Package for the Social Statistic* (SPSS) versi 27. Tahap ketagihan internet murid adalah pada tahap rendah (48.8%) dan tahap untuk perubahan tingkah laku murid juga berada di tahap rendah (58.5%). Analisis melaporkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang kuat dan signifikan antara tahap ketagihan internet dan perubahan tingkah laku murid sekolah rendah. Kajian ini diharapkan dapat dijalankan dengan melibatkan sampel populasi yang lebih besar dan lebih menyeluruh meliputi semua peringkat usia kanak-kanak supaya boleh dijadikan sebagai panduan dan iktibar kepada para pengkaji.

ABSTRACT

This study aims to identify the level of internet addiction and behavioral changes among second level primary school students. This study was conducted in the Pekan district, Pahang and involved a total of 361 study respondents. The instruments used in this study are the Internet Addiction Test and a behavioral change questionnaire. Data collected and analyzed using the software *Special Package for the Social Statistic* (SPSS) version 27. The level of student internet addiction is at a low level (48.8%) and the level for student behavior change is also at a low level (58.5%). The analysis reported that there is a strong and significant positive linear relationship between the level of internet

addiction and behavioral changes of primary school students. This study is expected to be conducted by involving a larger and more comprehensive sample of the population covering all ages of children so that it can be used as a guide and advice to researchers.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mengkaji ketagihan internet dan perubahan tingkah laku dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini juga menyumbang kepada literatur sedia ada yang berkaitan dengan tahap ketagihan internet dan perubahan tingkah laku murid sekolah rendah.

1. Pengenalan

Jaringan internet dan peralatan teknologi pada zaman globalisasi ini semakin canggih dan telah mengubah gaya hidup masyarakat dari aspek aktiviti harian, cara berkomunikasi dan cara bekerja mereka. Masyarakat menggunakan internet untuk mencari maklumat informasi (81.6%), mengikuti berita semasa (75.5%), berkomunikasi dengan rakan dan ahli keluarga (72.2%), menonton video (66.5%), mengisi masa lapang (63.2%), aspek pendidikan (55.9%), mengurus kewangan (51.7%), aspek kesihatan (49.2%), aspek pelancongan (47.7%), dan permainan atas talian (39.9%) ([Simon, 2022](#)).

Menurut kajian pengguna internet yang dijalankan pada tahun 2020, pengguna internet pada tahun 2020 adalah sebanyak 88.7% dan statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3% berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 87.4% pengguna internet ([MCMC, 2020](#)). Pengguna internet pada masa kini tidak sahaja terhad kepada golongan dewasa, sebaliknya golongan kanak-kanak dan remaja juga tidak terkecuali dalam penggunaan internet. Kajian menunjukkan peningkatan bilangan pengguna yang berusia kurang daripada 18 tahun. Pada tahun 2018, kanak-kanak berusia 5 hingga 17 tahun yang menggunakan internet adalah pada kadar 28.5% dan telah meningkat pada tahun 2020 iaitu sebanyak 47% golongan kanak-kanak yang menggunakan internet dengan pelbagai peranti digital ([MCMC, 2020](#)). Kajian [Barbara et al. \(2020\)](#) telah menunjukkan sebanyak 70% kanak-kanak yang berada dalam lingkungan 6 hingga 17 tahun melayari internet setiap hari.

Selain itu, apabila Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan sejak Mac 2020, masa lapang kanak-kanak hanya boleh diluangkan di dalam rumah. Untuk mencari keseronokan dan hiburan, kanak-kanak meneroka dunia internet yang pelbagai seperti menonton video (45.3%), permainan atas talian (17.1%), Youtube (15.1%), Facebook (50.7%), Instagram (17.8%) dan juga media sosial yang lain melalui peranti digital yang diberikan oleh ibu bapa yang pada mulanya untuk tujuan pembelajaran secara atas talian ([Ramadani & Dinar, 2021](#)).

Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan kanak-kanak menggunakan masa yang panjang untuk melayari internet sehingga menjadi ketagihan. Ketagihan internet bukan sahaja mempengaruhi kesihatan badan seseorang individu, malah ia akan menjejaskan emosi dan hubungan sosial seseorang individu ([Young, 2004](#)). Ketagihan internet akan mendorong kanak-kanak mengasingkan diri daripada orang di sekeliling ([Garima & Anita, 2014](#)) dan menjejaskan kesihatan badan seperti penurunan kadar penglihatan, masalah insomnia dan membawa kepada kematian ([Dora et al., 2017](#); [Widea, 2015](#)). Selain itu, kajian [Nur Hadirah dan Atini Alias \(2021\)](#) melihat pengaruh ketagihan internet dari segi pembentukan tingkah laku dan sikap agresif.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan terdapat keperluan untuk melihat sejauh mana tahap ketagihan kanak-kanak dan hubungannya dengan perubahan tingkah laku mereka. Selain itu, kajian ini dapat mengisi jurang pengetahuan khususnya kajian berkenaan ketagihan internet dalam kalangan kanak-kanak yang tidak luas dikaji terutama dalam konteks masyarakat Malaysia memandangkan topik ini kebanyakan berfokus kepada golongan remaja dan belia.

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau tahap ketagihan internet dalam kalangan murid sekolah rendah dan sejauh manakah ia mempengaruhi tingkah laku mereka.

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap ketagihan internet dalam kalangan murid sekolah rendah.
- ii. Mengenal pasti tahap perubahan tingkah laku murid sekolah rendah.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara tahap ketagihan internet dan perubahan tingkah laku dalam kalangan murid sekolah rendah.

2. Sorotan Literatur

2.1. Ketagihan Internet

Konsep ketagihan internet telah diperkenalkan oleh Ivan Goldberg pada tahun 1995. Ketagihan internet didefinisikan sebagai satu jenis 'patologi', 'kecelaruan', 'penggunaan teknologi berlebihan', dan termasuk variasi jenis tingkah laku serta kawalan impuls. Kebergantungan terhadap internet dianggap sebagai 'patologi', dan 'kecelaruan obsesif-kompulsif' kerana ia mempengaruhi seseorang individu untuk menggunakan internet secara berlebihan dengan kawalan impuls iaitu gerak hati atau naluri semula jadi manusia ([Saliceti, 2015](#)). Lanjutan daripada ini, [World Health Organization \(2014\)](#) mendefinisikan ketagihan internet sebagai keasyikan, desakan, atau tingkah laku yang berlebihan atau terkawal mengenai penggunaan internet yang boleh membawa kepada gangguan atau kesusahan. Manakala [Young \(2017\)](#) pula menjelaskan ketagihan internet sebagai ketidakupayaan individu untuk mengawal dan mengurus masa dan cara menggunakan internet sehingga menimbulkan gangguan tingkah laku.

Dalam konteks kajian ini, ketagihan internet boleh dijelaskan dengan kebergantungan ke atas penggunaan internet yang berlebihan dan individu tidak mampu mengawal penggunaannya sehingga menyebabkan perubahan tingkah laku dan emosi.

2.2. Tingkah Laku

Menurut [Freud \(1910\)](#) dalam teori personaliti telah menerangkan tingkah laku akan bergerak mengikut naluri manusia sendiri berdasarkan pengalaman kehidupannya. Ini bermakna, pengalaman hidup seseorang individu akan membolehkan gerakan naluri bertindak balas melalui tingkah laku yang ditunjukkan. Tingkah laku juga berlaku apabila kanak-kanak mempunyai dorongan untuk membuat peniruan dan pemerhatian tingkah laku individu lain yang berada di sekelilingnya. Dalam kajian ini, tingkah laku boleh dijelaskan dengan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang murid apabila dia terpengaruh dengan ketagihan internet.

2.3. Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang hubungan antara ketagihan internet dengan perubahan tingkah laku. Kajian [Hazalizah dan Nasariah \(2015\)](#) dan [Alias et al. \(2021\)](#) mendapati bahawa ketagihan internet mempengaruhi kerisauan berinteraksi dan kesunyian dalam kalangan pelajar universiti. Kajian [Nur Hadirah dan Atini Alias \(2021\)](#) pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5, ($r = .324$, $p < .05$). Walau bagaimanapun, ia bertentangan dengan kajian [Ericson dan Salleh \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa hubungan antara tahap ketagihan internet dan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar adalah lemah, ($r = .089$, $p = .000$). Seterusnya, kajian [Joan dan Suzyani \(2021\)](#) pula melihat perubahan tingkah laku kanak-kanak yang disebabkan oleh penggunaan gajet dari persepsi ibu bapa. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak mengalami perubahan tingkah laku seperti mudah marah atau menangis (50%), sensitif terhadap perkara kecil (40.1%), sukar bertenang (38%), sibuk dengan gajet (27.6%), tidur lewat (25%) dan menunjukkan ciri-ciri ketagihan telefon pintar (45%).

Dapatan kajian-kajian lepas telah mempamerkan tinjauan pengaruh ketagihan internet terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan pelajar universiti. Manakala kajian yang berfokuskan kepada kanak-kanak pula dikaji dari aspek persepsi ibu bapa. Justeru, kajian ini memainkan peranan untuk mengisi jurang kajian dari aspek responden kajian yang berfokuskan kepada murid sekolah rendah tahap dua dan daripada persepsi mereka sendiri.

3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap ketagihan internet murid sekolah rendah tahap dua dan pengaruhnya terhadap perubahan tingkah laku mereka. Kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan dan dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif serta kaedah inferensi.

Kajian ini dijalankan di daerah Pekan, Pahang. Populasi responden dalam kajian ini merupakan murid sekolah rendah tahap dua, iaitu murid yang berumur 10 tahun, 11 tahun dan 12 tahun iaitu seramai 6,052 orang murid secara keseluruhan meliputi 49 buah sekolah rendah di daerah Pekan Pahang. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih responden seramai 361 orang murid sekolah rendah dengan berpandukan jadual penentuan saiz sampel [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#).

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berbentuk *Google Form*. Kaedah ini dipilih kerana terdapat kekangan dari segi kemampuan untuk mengedarkan soal selidik secara bersemuka. Selain itu, kaedah ini membolehkan maklum balas diterima dengan cepat dan secara langsung mempercepatkan proses kajian ini.

Kajian ini menggunakan Ujian Ketagihan Internet yang dipelopori oleh [Young \(2017\)](#) untuk mengukur tahap ketagihan internet murid sekolah rendah. Instrumen ujian ini pada asalnya mengandungi 20 item dan diukur dalam julat skor skala Likert berskala 1 hingga 5 dengan pilihan jawapan "Jarang sekali", "Kadang-kala", "Selalu juga", "Selalu" dan "Sentiasa". Namun, item Ujian Ketagihan Internet ini telah diadaptasi dan dikurangkan menjadi 18 item disebabkan ketidaksesuaian untuk digunakan pada golongan murid sekolah rendah. Selain itu, 5 skala Likert yang digunakan pada ujian asal

juga diadaptasi menjadi 4 skala sahaja iaitu, “Tidak Pernah” mewakili skor 1, “Kadangkadangkang” mewakili skor 2, “Selalu” mewakili skor 3 dan “Sentiasa” mewakili skor 4.

Manakala instrumen perubahan tingkah laku murid pula diadaptasi daripada kajian [Joan Danil dan Suzyani \(2021\)](#) yang menggunakan Skala Likert Empat Mata. Instrumen ini pada asalnya mengandungi 22 item. Namun, dalam kajian ini hanya 19 item yang sesuai diadaptasi dan digunakan dalam mengukur perubahan tingkah laku murid.

Statistik inferensi melalui ujian Korelasi Pearson dijalankan untuk mengkaji hubungan antara tahap ketagihan internet dengan perubahan tingkah laku dalam kalangan murid sekolah rendah.

4. Hasil Kajian

Data yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan perisian Special Package for the Social Statistic (SPSS) versi 27. Jadual digunakan untuk memudahkan perbincangan hasil dapatan mengikut objektif dan persoalan kajian.

4.1. Demografi Responden

Berdasarkan taburan responden dalam [Jadual 1](#), responden paling tinggi pada peringkat umur 12 tahun dan 59% daripada keseluruhan responden adalah perempuan. Majoriti responden menggunakan internet dalam lingkungan tempoh dari 2 hingga 6 jam (34.3%) dan tempoh dari 6 hingga 10 jam (34.1%).

Jadual 1: Taburan Responden Kajian

Demografi	Sub- profil	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	148	41
	Perempuan	213	59
Umur	10 tahun	83	23
	11 tahun	113	31.3
	12 tahun	165	45.7
	13 tahun	165	45.7
Tempoh penggunaan internet	1-2 jam	79	21.9
	2-6 jam	124	34.3
	6-10 jam	123	34.1
	10 jam ke atas	35	9.7

Berdasarkan hasil dapatan [Jadual 2](#), alat komunikasi adalah tujuan utama responden menggunakan internet dengan min tertinggi (3.17), diikuti dengan laman web rangkaian sosial (2.98), permainan atas talian (2.87), menonton video (2.81), pendidikan (2.31) dan berita (2.11) merupakan min terendah bagi tujuan responden menggunakan internet.

Dapatan menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 148 orang responden (41%) yang sentiasa menggunakan internet untuk dijadikan sebagai alat komunikasi dan seramai 136 orang responden (37.7%) selalu menggunakan internet untuk berkomunikasi dengan rakan melalui aplikasi seperti *Whatsapp*, *Wechat*, *Telegram* dan sebagainya. Selain itu, seramai 126 orang responden (34.9%) menunjukkan bahawa mereka sentiasa menggunakan internet untuk rangkaian sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya.

Jadual 2: Tujuan Penggunaan Internet

Bil.	Jenis Laman web	Tidak Pernah	Kadang-kadang	Selalu	Sentiasa	Min
1.	Berita	83 (23%)	178 (49.3%)	78 (21.6%)	22 (6.1%)	2.11
2.	Video	2 (0.6%)	147 (40.7%)	130 (36%)	82 (22.7%)	2.81
3.	Pendidikan	27 (7.5%)	224 (62%)	55 (15.2%)	55 (15.2%)	2.38
4.	Rangkaian Sosial	6 (1.7%)	122 (33.8%)	107 (29.8%)	126 (34.9%)	2.98
5.	Permainan	16 (4.4%)	137 (38%)	87 (24.1%)	121 (33.5%)	2.87
6.	Alat Komunikasi	11 (3%)	66 (18.3%)	136 (37.7%)	148 (41%)	3.17

Dari sudut hiburan, seramai 121 orang responden (33.5%) yang menunjukkan mereka sentiasa menggunakan internet untuk tujuan permainan atas talian dan seramai 87 orang responden (24.1%) selalu bermain permainan atas talian menggunakan internet. Seterusnya, seramai 82 orang responden (22.7%) sentiasa menonton video menggunakan internet dan seramai 130 orang responden (36%) yang mengatakan mereka selalu menggunakan internet untuk tujuan menonton video. Manakala bagi aspek penerimaan ilmu pengetahuan dan isu semasa, bilangan responden yang sentiasa menggunakan internet untuk mengetahui berita semasa adalah seramai 22 orang (6.1%) dan 78 orang responden (21.6%) selalu menggunakan internet untuk mengetahui berita isu terkini. Seterusnya, bilangan responden yang sentiasa menggunakan untuk tujuan pendidikan adalah seramai 55 orang (15.2%) dan 55 orang (15.2%) yang selalu menggunakan internet untuk menimba ilmu pengetahuan.

4.2. Tahap ketagihan internet dalam kalangan murid sekolah rendah

Tahap ketagihan internet dalam kalangan murid sekolah rendah diukur dengan menggunakan Ujian Ketagihan Internet yang diperkenalkan oleh [Young \(2017\)](#) dan telah diubahsuai dalam Bahasa Melayu serta diadaptasi mengikut kesesuaian umur responden. Hasil dapatan kajian ditunjukkan dalam [Jadual 3](#).

Jadual 3: Tahap Ketagihan Internet Murid

Skor	Tahap Ketagihan Internet	Kekerapan	Peratusan (%)
18 - 36	Rendah (Pengguna yang sedikit ketagih.) Sederhana	176	48.8
37 - 54	(Pengguna sedang mengalami masalah biasa kerana internet.) Tinggi	156	43.2
55 - 72	(Penggunaan internet membawa kesan yang mendalam dalam hidup pengguna.)	29	8.0
Jumlah		361	100

Tahap ketagihan internet responden seramai 176 orang (48.8%) mempunyai tahap ketagihan internet yang rendah. Manakala, 156 orang responden (43.2%) menunjukkan

tahap ketagihan internet yang sederhana dan 29 orang responden (8%) menunjukkan tahap ketagihan internet yang kritikal. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun tempoh penggunaan internet dalam kalangan murid agak panjang, dari tempoh 2 hingga 6 jam (34.3%) dan tempoh dari 6 hingga 10 jam (34.1%), majoriti murid masih mempunyai kawalan diri untuk mengelakkan diri daripada menjadi ketagihan kepada internet.

4.3. Tahap perubahan tingkah laku dalam kalangan murid sekolah rendah

Berdasarkan [Jadual 4](#), majoriti responden menjawab “Tidak Pernah” dan “Kadang-kadang” bagi item yang menjelaskan perubahan tingkah laku dari aspek emosi, tindak-tanduk dan juga gangguan tidur.

Jadual 4: Item Perubahan Tingkah Laku Murid

Perubahan Tingkah Laku	Tidak Pernah f (%)	Kadang-kadang f (%)	Selalu f (%)	Sentiasa f (%)	Min
Menjadi mudah marah atau menangis apabila tidak dapat melayari internet	209 (57.9%)	110 (30.5%)	42 (11.6%)	0 (0%)	1.54
Sukar bertenang apabila dalam keadaan marah	92 (25.5%)	212 (58.7%)	46 (12.7%)	11 (3%)	1.93
Kerap terganggu	156 (43.2%)	170 (47.1%)	35 (9.7%)	0 (0%)	1.66
Kelihatan resah apabila pergi ke sekolah	224 (62%)	137 (38%)	0 (0%)	0 (0%)	1.38
Mencari gajet dan melayari internet sejurus selepas bangun	88 (24.4%)	158 (43.8%)	70 (19.4%)	45 (12.5%)	2.20
Menjadi sangat sensitif terhadap perkara kecil contohnya marah apabila ibu bapa atau adik beradik lain meminjam gajetnya untuk melayari internet	222 (61.5%)	114 (31.6%)	25 (6.9%)	0 (0%)	1.45
Selalu bergaduh dengan ibu bapa kerana tidak dibenarkan untuk melayari internet	266 (73.7%)	62 (17.2%)	22 (6.1%)	11 (3%)	1.39
Lebih suka menghabiskan masa di rumah berbanding bermain dengan rakan lain	88 (24.4%)	135 (37.4%)	114 (31.6%)	24 (6.6%)	2.20
Kurang berminat dalam pelajaran	191 (52.9%)	148 (41%)	22 (6.1%)	0 (0%)	1.53
Kurang berminat dalam aktiviti di sekolah	268 (74.2%)	82 (22.7%)	11 (3%)	0 (0%)	1.29
Mengunci bilik apabila melayari internet	253 (70.1%)	81 (22.4%)	3 (0.8%)	24 (6.6%)	1.44
Selalu tidur lewat	44 (12.2%)	180 (49.9%)	102 (28.3%)	35 (9.7%)	2.35
Selalu terjaga pada waktu malam	123 (34.1%)	136 (37.7%)	69 (19.1%)	33 (9.1%)	2.03
Bertindak agresif apabila tidak sependapat dengan orang lain	225 (62.3%)	114 (31.6%)	22 (6.1%)	0 (0%)	1.44
Kelihatan tegang dalam kebanyakan masa	205 (56.8%)	134 (37.1%)	11 (3%)	11 (3%)	1.52

Kelihatan tidak merasa teruk selepas berkelakuan tidak baik	172 (47.6%)	178 (49.3%)	11 (3%)	0 (0%)	1.55
Selalu tidak sependapat dengan orang lain	90 (24.9%)	257 (71.2%)	14 (3.9%)	0 (0%)	1.79
Lebih suka bersendirian dalam kebanyakan masa	34 (9.4%)	200 (55.4%)	81 (22.4%)	46 (12.7%)	2.39
Kurang selera untuk makan apabila melayari internet	259 (71.7%)	69 (19.1%)	11 (3%)	22 (6.1%)	1.43

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil responden yang mengalami perubahan tingkah laku seperti sukar bertenang dalam keadaan marah (3%), kelihatan tegang (3%), selalu bergaduh dengan ibu bapa (3%), kurang selera untuk makan (6.1%), lebih suka menghabiskan masa di rumah (6.6%), dan suka mengunci bilik semasa melayari internet (6.6%). Selain itu, terdapat segolongan responden yang selalu tidur lewat (9.7%) dan terjaga pada waktu malam (9.1%). mencari gajet seurus selepas bangun (12.5%), dan lebih suka bersendirian dalam kebanyakan masa (12.7%).

Taburan peratusan item di [Jadual 4](#) memberi bukti yang kukuh bahawa tahap perubahan tingkah laku murid sekolah rendah tahap dua majoriti berada di tahap yang rendah (58.5%) dan sederhana (38.2%) seperti yang ditunjukkan di [Jadual 5](#).

Jadual 5: Tahap Perubahan Tingkah Laku Murid

Skor	Tahap Perubahan Tingkah Laku	Kekerapan	Peratusan (%)
19 - 33	Rendah	211	58.5
34 - 48	Sederhana	138	38.2
49 - 63	Sederhana Tinggi	12	3.3
64 - 76	Tinggi	0	0
Jumlah		30	361

4.4. Hubungan antara tahap ketagihan internet dan perubahan tingkah laku

Ho 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap ketagihan internet dengan perubahan tingkah laku dalam kalangan murid sekolah rendah tahap dua.

Analisis dapatan dengan menggunakan kolerasi Pearson seperti yang diringkaskan di [Jadual 6](#) mendapati bahawa terdapat hubungan linear positif yang kuat dan signifikan antara tahap ketagihan internet dan perubahan tingkah laku murid iaitu [$r(359) = 0.807$, $p < 0.01$]. r^2 menunjukkan bahawa lebih kurang 65.1% varian dalam tahap perubahan tingkah laku murid boleh diramal dari tahap ketagihan internet murid sekolah rendah tahap dua.

Jadual 6: Hubungan antara tahap ketagihan internet dengan tahap perubahan tingkah laku murid

Perubahan tingkah laku			
Tahap ketagihan internet	n	p	r
	361	1	0.807**

Ini bermakna hipotesis nul ditolak dan terbuktinya wujud hubungan antara tahap ketagihan internet dengan perubahan tingkah laku murid sekolah rendah. Dalam erti

kata lain, tahap perubahan tingkah laku murid akan meningkat apabila tahap ketagihan internet murid meningkat.

5. Perbincangan

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden menggunakan internet dalam tempoh yang agak panjang iaitu dari 2 jam hingga 6 jam (34.3%) dan 6 jam hingga 10 jam (34.1%). Mereka menggunakan internet untuk memudahkan mereka berkomunikasi dengan orang lain melalui aplikasi seperti *Whatsapp*, *Wechat*, *Telegram* dan sebagainya. Selain itu, mereka juga menggunakan internet untuk tujuan hiburan seperti bermain permainan atas talian dan menonton video. Responden kajian ini kurang menggunakan internet untuk tujuan menimba ilmu kerana dapatan min yang diperoleh bagi pendidikan dan berita adalah terendah di antara tujuan-tujuan lain. Di sini, jelaslah bahawa murid sekolah rendah pada masa kini lebih berminat untuk meneroka dunia internet dalam bidang hiburan berbanding bidang pendidikan.

Walau bagaimanapun, tahap ketagihan internet murid sekolah rendah berada di tahap yang rendah dan sederhana sahaja. Terdapat beberapa justifikasi yang boleh diberikan untuk menjelaskan keadaan ini. Antaranya ialah mereka sendiri masih mempunyai kawalan diri terhadap penggunaan internet dan mampu mengelakkan diri daripada sampai ke tahap ketagihan internet yang kritikal sebab mereka sudah menjadi lebih matang berbanding dengan murid tahap satu yang masih memerlukan pantauan ibu bapa dan guru. Selain itu, kawalan ketat daripada ibu bapa terhadap penggunaan internet juga dapat mengelakkan kanak-kanak daripada berhadapan dengan masalah ketagihan internet.

Seterusnya, hasil dapatan kajian juga menunjukkan tahap yang rendah dan sederhana dalam kalangan murid sekolah rendah dalam aspek perubahan tingkah laku akibat ketagihan internet. Responden tidak menghadapi masalah hilang kawalan terhadap emosinya. Namun, mereka yang mengalami perubahan tingkah laku pada tahap sederhana telah mula menunjukkan masalah kesukaran untuk tidur dan mempunyai simptom untuk mengasingkan diri daripada rakan sebaya. Ini disokong dengan dapatan ujian kolerasi Pearson di mana semakin tinggi tahap ketagihan internet, semakin banyak perubahan tingkah laku yang berunsurkan negatif akan berlaku pada diri murid tersebut. Dalam hal ini, pemantauan ibu bapa di rumah memainkan peranan yang penting untuk memastikan murid tidak ketagih dengan internet dan seterusnya kesihatan dari segi fizikal dan emosi murid tidak akan terpengaruh dengan impak ketagihan internet.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tahap ketagihan internet murid berada di tahap yang rendah, sama juga dengan tahap perubahan tingkah laku akibat ketagihan internet. Namun, ujian kolerasi Pearson menunjukkan hubungan linear positif yang kuat dan signifikan antara ketagihan internet dan perubahan tingkah laku murid sekolah rendah. Ini bermakna seandainya tahap ketagihan internet murid menjadi tinggi, maka tahap perubahan tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid tersebut juga akan menjadi tinggi.

Terdapat beberapa limitasi sepanjang menjalankan kajian ini. Antaranya ialah item soal selidik yang digunakan dalam kajian ini merupakan gabungan dua jenis soal selidik. Ia menyebabkan item soal selidik menjadi banyak dan memberi kesan kepada responden

untuk menjawab dengan tepat. Selain itu, soal selidik yang diberikan dalam bentuk *Google Form* menyebabkan kadar respons yang diterima, kerahsiaan, masalah etika menjawab soal selidik dan juga persampelan untuk responden kajian ini tidak dapat dikawal. Seterusnya, responden untuk kajian ini hanya melibatkan murid sekolah rendah yang berusia 10, 11 dan 12 tahun di daerah Pekan, Pahang. Justeru, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan untuk mewakili keseluruhan murid di Malaysia.

Oleh yang demikian, sebagai cadangan dan penambahbaikan pada masa hadapan, kajian ini boleh dijalankan dengan melibatkan sampel populasi yang lebih besar. Selain itu, kajian berkaitan topik ini juga digalakkan untuk dikaji dengan lebih banyak untuk menilai tahap ketagihan internet dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini kerana usia pengguna internet pada masa kini semakin muda, sehinggakan kanak-kanak yang berusia tiga tahun pun telah diberi peralatan untuk melayari internet.

Kebimbangan mengenai trend ini perlu diatasi dengan kerjasama pelbagai pihak terutamanya ibu bapa. Dengan wujudnya kajian ini, pihak sekolah boleh memainkan peranan dengan memberi kaunseling individu atau berkelompok kepada murid yang mengalami ketagihan internet. Sekiranya masalah ini tidak dikawal dengan baik, akan menjejaskan kesihatan fizikal, emosi dan mental murid sekolah rendah. Justeru, kajian untuk topik ini dicadangkan untuk dikaji dengan lebih menyeluruh meliputi semua peringkat usia kanak-kanak supaya boleh dijadikan sebagai panduan dan iktibar kepada pihak yang berkaitan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Pengkaji menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Pengkaji turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru yang membantu pengkaji dalam usaha mengumpul data untuk kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Alias, A., Shaban, S. H., Kamarul Arifain, S. M. & Abdul Karim, A. K. (2021). Hubungan kesunyian dengan ketagihan internet dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka semasa pandemik Covid-19, *Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi*, 6(1), 65-79.
- Barbara, C. Y. L., Romance, N. M. L., Ting, K. N. & Haobi, W. (2020). Worry and permissive parenting in association with the development of internet addiction in children. *International Journal of Environmental Research and Public Health (IJERPH)*, 17(21). <https://doi.org/10.3390/ijerph17217722>
- Dora, M.T., Sidek, S., Hassan, M.A., Mohamed, S., Kudus, N., Mustaffa, F., & Mokhtar, M.Y.O. (2017). Internet addiction among urban youth in Melaka. *Journal of Information Technology*, 16(1), 14-18.
- Ericson Ginsos & Salleh Amat. (2022). Ketagihan Permainan Video dan Tingkah Laku Agresif dalam kalangan Pelajar Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), 1-10.
- Freud, S. (1910). The Origin and Development of Psychoanalysis. *The American Journal of Psychology*, 21(2), 181-218.
- Garima, S.K. & Anita, P.S. (2014). The effect of internet addiction on depression, anxiety, social isolation and sleep pattern among youth. *Indian Journal of Applied Research*, 4(9), 507-511. <https://pdfs.semanticscholar.org/c0a0/cf79a53234aabad0a42873bc2b2f20ff53bb.pdf>
- Hazalizah Hamzah & Nasariah Jamian. (2015). Sumbangan dimensi personaliti dan ketagihan internet ke atas kerisauan interaksi pelajar universiti. *International Conference on Human Sustainability 2015 (INSAN2015)*, 1-14.
- Joan Danil & Suzyani Mohamed. (2021). Perubahan tingkah laku disebabkan penggunaan gajet. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 200-209.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- MCMC. (2020). Internet users survey 2020. MCMC. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Infographic.pdf>. Malaysia: Malaysia Communications and Multimedia Commission.
- Nur Hadirah Isahak & Atini Alias. (2021). Hubungan ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar. *E- Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial 3.0*, 46-53.
- Ramadani Anisa Firdaus & Dinar Sari Eka Dewi. (2021). Efikasi diri dengan kecenderungan kecanduan internet pada remaja dimasa pandemi Covid-19. *Jurnal Penelitian Psikologi (PSIMPHONI)*, 1(2), 67-74.
- Saliceti, F. (2015). Internet Addiction Disorder (IAD). *Procedia Social and Behavioral Sciences* 19, 1372 - 1376. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042815025525>
- Simon Kemp. (2022). Primary reasons why internet users aged 16 to 64 use the internet. *Digital 2022: Malaysia*. <https://datareportal.com/reports/digital-2022-malaysia?rq=malaysia> [20 April 2022]
- Widea, E. (2015). Pengaruh penggunaan gadget terhadap penurunan tajam penglihatan pada anak usia sekolah (6-12 tahun) di SD Muhammadiyah 2 Pontianak Selatan. *Jurnal ProNers*. 3(1), 1-7. <http://dx.doi.org/10.26418/jpn.v3i1.10533> <https://jurnal.untan.ac.id/index.php/jmkeperawatanFK/article/view/10533/10151> [20 April 2022].

- World Health Organization. (2014). Public health implications of excessive use of the internet, computers, smartphones and similar electronic devices meeting report. *WHO*.
https://apps.who.int/iris/bitstream/handle/10665/184264/9789241509367_eng.pdf;jsessionid=57D297961BB4975D849256C5955B857E?sequence=1
- Young, K.S. (2004). Internet addiction: a ne clinical phenomenon and its consequences. *American Behavioral Scientist*, 48(4), 402-415.
- Young, K. S. (2017). The evolution of Internet addiction. *Addictive Behaviors*, 64, 229-230.